



**KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564  
Faks : 03 8891 5557  
Laman Web : [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Email : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter : @kpkt\_gov  
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (12)  
Tarikh : 21 Mac 2020

## SIARAN MEDIA

---

### KPKT UMUM INISIATIF PENGECUALIAN SEWA SATU BULAN RUMAH PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR)

---

**PUTRAJAYA, 21 Mac 2020** – YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan hari ini mengumumkan pengecualian sewa untuk satu bulan kepada 9, 185 unit rumah PPR di bawah pengurusan KPKT. Tindakan ini diambil untuk membantu meringankan beban rakyat yang terkesan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

PPR di bawah pengurusan KPKT yang terlibat ialah PPR Sentul Murni, Rumah Transit Bukit Jalil, PPR Lembah Subang 1, PPR Lembah Subang 2, PPR Kg Hassan Hulu Selangor, PPR Ladang Siliau Port Dickson, PPR Tok Suboh, PPR Amanjaya, PPR Kota Setar, PPR Sinar Intan 3, PPR Gua Musang, PPR Kota Bahru.

Selain daripada itu beliau juga menyarankan agar Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menggunakan budi bicara masing-masing untuk memberi pengecualian sewa premis PBT kepada peniaga kecil yang terjejas pendapatan akibat terpaksa menutup perniagaan ekoran pelaksanaan PKP.

Selain itu, PBT juga digesa untuk memastikan bahawa semua supermarket / hypermarket / kedai runcit mengamalkan penjarakan sosial, menyediakan sanitizer pada laluan masuk dan keluar serta kerap membersihkan pemegang troli dan bakul barangan bagi mengurangkan risiko jangkitan virus COVID-19.

KPKT menerusi Kerajaan Tempatan juga akan berkerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi memantau dan memastikan bahawa pusat jagaan warga emas swasta mempunyai bekalan bahan keperluan yang mencukupi sepanjang tempoh PKP.

Keputusan ini dibuat untuk meringankan beban rakyat yang terkesan dengan Perintah Kawalan Pergerakan yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri. disamping itu rakyat diminta duduk di rumah dan jaga kesihatan diri serta keluarga sebagai langkah pencegahan penularan wabak COVID-19.

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin terdiri daripada enam Jabatan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata, 6. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan; satu badan berkanun persekutuan iaitu Solid Waste Corporation Malaysia; dan tiga buah agensi iaitu Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*